



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

TEKS UCAPAN

**YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

SEMPENA

**MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) TAHUN 2018
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
BERSAMA JABATAN DAN AGENSI**

PUSAT KONVENTSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA (PICC)

21 MAC 2019 (KHAMIS) / JAM 8.45 PAGI

Bismillahirrahmanirrahim

**Assallamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
Wilayah Peduli, Harapan Dipenuhi**

Saudara Saudari Pengacara Majlis

**Yang Berhormat Datuk Dr. Shahruddin bin Md Salleh
Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan**

**Yang Berbahagia Datuk Seri Haji Saripuddin bin Haji Kasim
Ketua Setiausaha
Kementerian Wilayah Persekutuan**

Ketua-Ketua Pengarah Jabatan

Ketua-Ketua Agensi

Datuk-Datuk, Datin-Datin, pegawai-pegawai kanan Kementerian, Jabatan dan Agensi

**Yang diraikan, para Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2018 dan
Saudara-Saudari, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.**

PENDAHULUAN

- 1. Alhamdulillahi Rabbil A'lamin Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W dan atas keluarga serta para sahabat Baginda yang mulia.**
- 2. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah, kurnia dan keizinan-Nya hari ini dapatlah kita bertemu di dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2018 Kementerian Wilayah Persekutuan, Jabatan dan Agensi di bawahnya.**

Hadirin yang saya hormati sekalian,

- 3. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Pengangur kerana menjemput saya untuk menyempurnakan majlis pada pagi ini. Saya juga secara peribadi ingin menzahirkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada seramai 981 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2018.**

Para hadirin sekalian,

- 4. Saya difahamkan bahawa majlis seumpama ini diadakan pada setiap tahun. Walau bagaimanapun, ini merupakan kali pertama saya menghadiri Majlis ini dan saya berasa sungguh kagum dengan usaha murni bagi menggalakkan dan menyemarakkan semangat bekerja cemerlang. Saya juga difahamkan bahawa Anugerah Perkhidmatan Cemerlang adalah anugerah yang diberikan kepada seseorang anggota perkhidmatan awam bagi menghargai dan**

mengiktiraf sumbangan kerjanya yang melebihi dari segi kualiti mahu pun kuantiti daripada keperluan tanggungjawab biasa sebagai penjawat awam. Ini seiring dengan pendekatan Kerajaan yang amat menggalakkan amalan Budaya Kerja Cemerlang.

KUPASAN TEMA SAMBUTAN

5. Saya tertarik dengan tema APC pada tahun ini iaitu “Menggilap Prestasi Memerlukan Produktiviti”. Satu frasa yang signifikan untuk menunjukkan usaha menambah baik prestasi penjawat awam ke arah kecemerlangan dan berprestasi tinggi dalam meningkatkan produktiviti. Produktiviti bukanlah hanya berkaitan dengan seberapa banyak tugas yang kita berjaya selesaikan tetapi bagaimana kita dapat mengimbangi produktiviti bagi semua tanggungjawab yang berbeza dalam kehidupan kita. Produktiviti bermakna kebolehan kita menambah nilai dalam setiap bidang berbeza: keluarga, kerja, komuniti dan masa untuk pembangunan agama. Jika boleh saya sampaikan pandangan dari sudut pandang struktur agama Islam itu sendiri yang boleh kita semua hayati demi mencapai produktiviti dan kecemerlangan bermula dari mengenalpasti tujuan hidup kita, sehingga kepada menjaga makan dan minum, serta waktu solat kita dapat memberi gambaran bahawa Islam itu sendiri adalah satu cara hidup yang merangsang produktiviti. Saya percaya ia juga menjadi amalan baik yang turut dianjurkan oleh agama yang lain.

Sidang hadirin yang saya hormati sekalian,

6. Usaha menggilap prestasi tinggi ini harus dimulakan dengan pembudayaan kerja yang cemerlang. Budaya kerja yang unggul dan cemerlang menjadi asas kepada peningkatan dan kualiti produktiviti sesebuah organisasi. Pembentukan budaya kerja berkualiti hanya akan tercapai sekiranya warga organisasi mempraktikkan etika kerja dan sifat integriti yang menyeluruh dan positif. Isu integriti bukan hanya memfokus kepada isu-isu rasuah sahaja, malah ia merupakan satu konsep yang lebih besar. Amalan budaya kerja juga menuntut integriti. Integriti dalam ketepatan waktu, integriti dalam menyampaikan maklumat yang tepat dan berkualiti, integriti dalam memberi

perkhidmatan terbaik demi memenuhi keperluan pelanggan mahu pun *stakeholders*, integriti dalam berhubung dengan ketua jabatan, rakan sekerja dan juga kakitangan sokongan.

HARAPAN

Para hadirin sekalian,

7. Kita semua maklum, perubahan tampuk pemerintahan negara pada tahun 2018 telah membuka lembaran baharu kepada Malaysia termasuklah para penjawat awam. Saya yakin, tuan-puan semua terlibat dengan perubahan ini. Saya juga yakin, tujuan perubahan ini dibuat adalah untuk melahirkan sebuah kerajaan yang berintergriti, bebas rasuah dan cekap dalam menjalankan tugasnya. Kini di atas bahu kitalah terletaknya amanah untuk dilaksanakan semua hasrat itu. Pastikan hasrat kita bersama ini dapat dilaksanakan sebaik mungkin.

8. Saya menyeru kepada semua warga Kementerian Wilayah Persekutuan, jabatan dan agensinya untuk terus bergerak di atas landasan yang betul sebagai prasyarat bagi menjayakan budaya kerja cemerlang iaitu mesti ada komitmen, mempunyai kesedaran kualiti, bersedia menerima perubahan dan tiada batasan masa untuk cemerlang.

9. Menerusi inisiatif di bawah tema “Wilayah Peduli, Harapan Dipenuhi”, saya meletakkan keyakinan dan kepercayaan yang tinggi kepada semua warga Kementerian, Jabatan dan Agensi untuk bersama-sama menggerak dan merealisasikan inisiatif dan program yang telah dirancang melalui enam (6) teras utama meliputi :-

- (i) Wilayah Bersih;
- (ii) Keselamatan Awam;
- (iii) Pengangkutan Efisien;
- (iv) Sosio-Ekonomi Mampan;
- (v) Persekitaran Hijau; dan
- (vi) Komuniti Inklusif.

Saya yakin dengan amalan budaya kerja yang cemerlang dan warga kerja yang berprestasi tinggi, segala usaha yang kita rancang ini akan dapat dicapai demi kesejahteraan rakyat di Wilayah Persekutuan.

PENUTUP

10. Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2018. Jangan berpuas hati setakat ini sahaja sebaliknya teruslah melebarkan sayap kecemerlangan tuan-tuan dan puan-puan agar menjadi pendorong ke arah pencapaian yang lebih gemilang pada masa hadapan.

Sekian, saya sudahi dengan lafaz yang mulia

Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian terima kasih.